



Memahami kecederaan luka bakar dan luka air panas

Luka bakar adalah antara kecederaan paling parah yang mungkin dialami oleh tubuh manusia. Di samping rasa sakit, mangsa yang masih kecil mungkin harus menghadapi graf kulit, rasa gatal, bekas luka, lepuh, kecacatan dan trauma emosional. Penderitaan fizikal dan emosional mungkin berterusan sepanjang usia. Kecederaan tersebut mempengaruhi seluruh keluarga, secara emosional mahupun kewangan, dalam jangka pendek mahupun jangka panjang.

Tahukah anda?

- Kebanyakan luka bakar dan luka air panas terjadi di rumah
- Kanak-kanak di bawah umur lima tahun tidak menyedari bahaya tersebut
- Kanak-kanak di bawah umur lima tahun cenderung terkena luka bakar / luka air panas
- Kecederaan luka bakar / luka air panas dapat dielakkan

Sebab-sebab luka bakar

LUKA AIR PANAS: cecair panas, iaitu tumpahan teh dan kopi, makanan panas, periuk, kepala paip dan bak mandi panas.

LUKA BAKAR NYALA: luka bakar daripada nyala terbuka, iaitu api terbuka, mancis, pemetik api dan rokok.

LUKA BAKAR SENTUH: menyentuh benda panas, iaitu alat pemanas, dapur, ketuhar dan barbeku.

Pertolongan cemas untuk luka bakar

Hentikan proses membakar

- Tanggalkan pakaian, kecuali jika melekat pada kulit

Dinginkan permukaan terbakar

- Rendam atau jirus bahagian yang terbakar dengan air mengalir yang dingin selama 15 hingga 20 minit
- Jangan sekali-kali menggunakan minyak, mentega atau salap

Tutup

- Tutup luka bakar dengan kain atau pembalut plastik yang bersih dan pastikan kanak-kanak tetap hangat

Dapatkan bantuan

- Berjumpalah dengan doktor jika luka bakar tersebut pada muka, tangan, kaki, kemaluan, melepuh atau lebih besar daripada syiling 20 sen

Dalam kecemasan, telefon 000 untuk ambulans.

Untuk maklumat lanjut:

Kidsafe (Kanak-kanak Selamat)

www.kidsafevic.com.au

Royal Children's Hospital (Hospital Diraja Kanak-kanak)

www.rch.org.au



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



www.cfa.vic.gov.au



www.mfb.vic.gov.au